



SMK SHAHBANDARAYA KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN

1103/2

SULIT
BAHASA MELAYU
KERTAS 2
1103/2
OGOS 2015
2 ½ JAM

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2015
BAHASA MELAYU
KERTAS DUA**

DUA JAM TIGA PULUH MINIT

NAMA :
TINGKATAN LIMA :

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.
2. Jawab semua soalan
3. Jawapan bagi soalan 2b), 2c), 2 d), dan soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

DISEDIAKAN OLEH;

DISEMAK OLEH;

DISAHKAN OLEH;

(PN. NORAIDAH ABD GHANI)

SOALAN 1 ; RUMUSAN { 30 markah }

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kaedah-kaedah membendung kenaikan harga barang dan punca-punca kenaikan harga barang**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Isu kenaikan harga barang yang hangat diperkatakan kini menjadi mimpi ngeri, selain menghantui masyarakat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Keadaan yang berlaku ini menyebabkan kebanyakan orang membeli barangan yang benar-benar diperlukan sahaja. Hal ini disebabkan peningkatan harga barang *menghimpit kehidupan masyarakat* kerana mereka terpaksa membeli barang keperluan harian dengan harga yang lebih mahal daripada biasa.

Sehubungan dengan itu, sebahagian besar daripada pengguna menyusun strategi perbelanjaan harian semula termasuk belanja dapur yang diharapkan oleh mereka dapat meredakan tekanan kewangan akibat kenaikan harga barang. Sebagai pengguna, kita sepatutnya dapat bertindak secara bijaksana dengan mengawal perbelanjaan dan menguruskannya secara berkesan. Kita akan terasa perit pada mulanya kerana banyak perkara yang terpaksa diabaikan daripada senarai perbelanjaan berbanding dengan semasa kita hidup dalam suasana senang. Tindakan yang diambil ketika berhadapan dengan situasi perit ini dirasakan tidak selesa apabila pengguna mentransformasikan gaya hidup dengan mengamalkan perbelanjaan berhemat. Perubahan ini pasti dapat dilakukan dengan adanya kesungguhan sekalipun kita terpaksa mengorbankan kebiasaan yang sudah menjadi darah daging seperti mengurangkan perbelanjaan makan di luar, berhenti membeli produk berjenama, dan mengurangkan perbelanjaan bil telefon. Selain itu, pengguna mengambil langkah mengubah corak perbelanjaan harian keluarga supaya perbelanjaan dapat dirancang demi masa depan yang lebih baik.

Setiap pengguna yang bijak akan sentiasa melakukan pemantauan terhadap perbelanjaan yang tidak perlu kerana tindakan tersebut dapat membantu pengguna mengatur perbelanjaan bagi mengelakkan mereka daripada membeli barangan yang tidak diperlukan. Langkah ini diperkukuh dengan tindakan menyediakan senarai barangan keperluan sebelum keluar berbelanja. Pendekatan yang diambil itu semakin berkesan apabila pengguna tidak terdorong mengikut jejak langkah orang yang mengamalkan gaya hidup mewah. Menerusi pendekatan ini baharulah pengurusan pendapatan tidak mendatangkan kesan negatif kepada kehidupan diri dan tanggungan keluarga. Kejayaan seseorang mengawal perbelanjaan secara berhemat ini akan mengelakkan belian secara kredit ketika berbelanja yang menyebabkan orang ramai tidak dapat mengimbangi perbelanjaan sehingga berhadapan dengan krisis kewangan.

Sebagai pengguna, kita hendaklah berwaspada disebabkan kini bukanlah masa untuk bermewah-mewah. Sebaliknya kita hendaklah mempunyai pandangan yang jelas bahawa kenaikan harga barangan memberi kesan langsung kepada kos sara hidup. Hal yang berlaku ini akan menjejaskan taraf hidup kebanyakan orang, mereka berada pada tahap yang lebih miskin dengan pendapatan yang sama, dan sebahagian besar kehendak terpaksa dilupakan untuk memenuhi keperluan yang lebih utama dalam kehidupan.

(Dipetik dan diubah suai daripada "Berbelanja Secara Berhemat"

oleh Siti Balqis Arif, Dewan Ekonomi, Mac 2014)

SOALAN PEMAHAMAN

[35 MARKAH]

SOALAN 2 (a) – PETIKAN UMUM

Berdasarkan petikan rumusan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Nyatakan maksud *menghimpit kehidupan masyarakat*.

[2 markah]

(ii) Pengarang mengemukakan beberapa kesan yang dihadapi oleh orang ramai akibat kenaikan harga barang. Nyatakan kesan-kesan tersebut.

[3 markah]

(iii) Pada pendapat anda, mengapakah kenaikan harga barang sukar untuk dibanteras sehingga akar umbi?

[4 markah]

SOALAN 2 (b) – PETIKAN CERPEN

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Katakanlah Mas.”

“Saya janda sekarang, tetapi dua orang anak-anak ini akan jadi apa? Jadi kelasi atau kapten? Tentu saya bantah. Jika mereka ini jadi orang kapal, mereka akan dibunuh.”

“Mas, engkau sedar apa yang engkau cakap itu?”

“Biar puas hati saya, Abang Mat. Saya sedar....”

Isteri Kapten Mamat menghidangkan teh, tetapi ruang itu berada dalam suasana sedih. Sekarang, pada perasaannya timbul suatu kebimbangan. Dia melihat Masnah sudah melupakan kesedihannya. Ruang itu pada pandangan isteri Kapten Mamat bertukar kepada satu babak drama. Dilihatnya anak mata Masnah liar sekali. Percakapannya susah difahamkannya.

“Jemput minum airnya, Mas!” katanya membenamkan perasaan, dengan maksud meringankan percakapan yang berat-berat.

“Engkau takut Mas, jangan takut,” Kapten Mamat melihat Masnah menjadi pucat. “Hidup jangan takut. Apa engkau sakit, Mas?”

“Erti hidup bagi saya, tidak ada.” Masnah berkata lancar. “Abang Mat, lama-lama akan gilakah saya? Saya rasa di luar kesanggupan saya melihat anak-anak kesayangan bertempiaran. Bagaimana kalau mereka teraniaya?”

(Dipetik daripada “Penanggungan” oleh Wijaya Mala, dalam Antologi Dirgahayu Bahasaku, DBP.)

- (i) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan masalah-masalah yang dihadapi oleh Masnah.
[2 markah]
- (ii) Jelaskan usaha-usaha yang dapat anda lakukan untuk membantu dan membela nasib kanak-kanak seperti anak-anak Masnah?
[3 markah]
- (iii) Berikan dua persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan dua persoalan lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen.
[4 markah]

SOALAN 2 (c) – PETIKAN PROSA KLASIK

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah itu diberinya pula Awang Sulung sebilah parang, disuruhnya mencari kayu. Orang mengambil kayu bakau dan temu laut, tetapi Awang Sulung mengambil batang nipah.

“Apa gunanya menyimpan budak hitam ini? Disuruh mengambil air diambilnya air masin, disuruh mengambil kayu diambilnya batang nipah....” Bebel jurumudi itu di depan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa.

Waktu diadakan kenduri, jurumudi menyuruh Si Kembang Cina memberikan sisa-sisa nasi di dalam tempurung berbulu untuk Awang Sulung. Sedang Si Kembang Cina membuat kerja itu terpanglah oleh Tuan Puteri Dayang Seri Jawa lalu dimarahinya. “Mengapa kau buat begini, hai perempuan celaka? Bapa engkau atau laki engkaukah si jurumudi bedebah itu?”

Kemudian disuruhnya Si Kembang Cina menyediakan hidangan istimewa untuk Awang Sulung dengan talamnya beralaskan kain kuning.

“Sudah itu bawa buyung suasa yang berisi air masin itu ke mari,” perintahnya lagi.

Tuan Puteri Dayang Seri Jawa merasa air masin di dalam buyung itu sudah bertukar menjadi manis bagai serbat, lalu disuruhnya pula Si Kembang Cina merasanya. Si Kembang Cina merasa takjub. Bagaimanakah air masin boleh bertukar menjadi serbat?

“Lain kali ingat sedikit perbuatanmu itu!” kata Tuan Puteri Dayang Seri Jawa sambil *menunjal muka* Si Kembang Cina.

(Dipetik daripada “Pelayaran yang Penuh Peristiwa”. Dalam antologi Harga Remaja, DBP)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menunjal muka*. [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan-tindakan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa apabila melihat Si Kembang Cina mengerjakan suruhan jurumudi? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah tindakan yang wajar diambil oleh Si Kembang Cina apabila disuruh jurumudi menyediakan sisa nasi di dalam tempurung berbulu kepada Awang Sulung? [3 markah]

SOALAN 2 (d) – GURINDAM

Baca gurindam di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

GURINDAM TONGGAK DUA BELAS

Hendak pandai menghargai masa,
Jangan dinanti esok lusa.

Ketekunan akan membawa kejayaan,
Kegigihan bekerja dengan keupayaan.

Wajah ceria keseronokan bekerja,
Usah berduka bermuram durja

Hidup dalam kemuliaan kesederhanaan,
Bertindak dengan penuh kebijaksanaan.

Ketinggian peribadi jadi amalan ,
Ketelusan hati jadi bekalan.

Kekuatan sifat baik hati,
Bertimbang rasa dan bersimpati.

*Pengaruh kepimpinan melalui teladan,
Baik buruk jadikan sempadan*

Menjadi kewajipan menjalankan tugas,
Walaupun sederhana tetapi tegas.

Kebijaksanaan berhemat perlu diutama,
Tidak membazir teliti saksama.

Keutamaan kesabaran fikiran tenang,
Perkara susah menjadi senang.

Peningkatan bakat diberi sokongan,
Tunjukkan kebolehan jadikan dorongan.

Nikmat mencipta budaya kreatif,
Kembangkan bakat semoga aktif.

Antologi Dirgahayu Bahasaku, DBP.

- (i) Berikan maksud *pengaruh kepimpinan melalui teladan, baik buruk jadikan sempadan*.
[2 markah]
- (ii) Mengapakah seseorang pemimpin mesti menunjukkan teladan yang baik kepada masyarakat? Kemukakan tiga sebab.
[3 markah]
- (iii) Huraikan empat nilai kemanusiaan yang terdapat dalam gurindam tersebut.
[4 markah]

SOALAN 3 – PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN BAHASA
[30 Markah]

JAWAB SEMUA SOALAN

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap kata di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan, menukarkan atau menggugurkan imbuhan atau menggunakan kata tersebut sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) insentif - intensif
- (ii) apresiasi - aspirasi
- (iii) kontemporari - globalisasi

[6 markah]

(b) *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan kata kerja aktif transitif dan objek dalam petikan ini.*

Kini masyarakat kita semakin melupakan permainan tradisional dengan wujudnya permainan moden. Oleh itu, kerajaan telah mengadakan pelbagai kempen untuk mempopularkan permainan tradisional. Kita haruslah menyokong kempen ini agar permainan tradisional tidak pupus ditelan zaman. Selain itu, pihak sekolah boleh menubuhkan Kelab Permainan Tradisional. Dengan adanya pendedahan awal sedemikian murid-murid akan dapat menyemaikan minat mereka terhadap permainan tradisional. Kerajaan perlu mendirikan sebuah muzium permainan tradisional agar keistimewaan permainan tradisional dapat ditonjolkan.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Orang ramai kunjungi tempat-tempat rekreasi pada hari cuti untuk menikmati suasananya yang tenang dan damai.
- (ii) Golongan muda yang mengemari makanan ringan dan makanan segera perlu mengubah tabiat tersebut untuk melahirkan generasi yang sihat dan berdayasaing.
- (iii) Demi memastikan keselesaan rakyat terutama penduduk di kawasan luar bandar, pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai infrastruktur untuk kemudahan penduduk.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Amira terpaksa memansuhkan hasratnya bagi melancong ke Pulau Langkawi kerana keadaan kesihatan ayahnya yang kurang baik.
- (ii) Pengarah syarikat itu akan memikirkan lain-lain cadangan yang dikemukakan oleh pembantunya sebelum membuat kehendak tentang perkara tersebut.
- (iii) Pengalaman dan kenangan yang terpingin indah ketika menyertai program khidmat masyarakat itu tidak akan dilupakan oleh Najwa.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah ini dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud ayat tersebut.*

- (i) Sedikit demi sedikit lama-lama berhasil juga.
- (ii) Berdamai dan melupakan perselisihan yang telah berlaku.
- (iii) Kalah atau menang sama sahaja bagi kedua-dua pihak yang berlainan, iaitu sama-sama menanggung rugi.

[6 markah]

SOALAN 4 : NOVEL
[15 MARKAH]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** contoh peristiwa yang menunjukkan nilai kasih sayang yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** novel yang telah anda kaji, jelaskan **satu** peristiwa yang menimbulkan unsur saspens. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2015
SKEMA BAHASA MELAYU KERTAS 2**

SOALAN 1 – RUMUSAN [30 MARKAH]

Pendahuluan = 2 markah

Petikan membincangkan **langkah-langkah// cara-cara/ prakarsa/ strategi/tindakan /usaha** membendung kenaikan harga barang dalam masyarakat di Malaysia.

Isi-isi tersurat = Kaedah

1. Pengguna membeli barangan yang benar-benar diperlukan sahaja.
2. Pengguna menyusun strategi perbelanjaan harian semula.
3. Pengguna mengawal perbelanjaan dan menguruskannya secara berkesan..
4. Pengguna .mentransformasikan gaya hidup dengan mengamalkan perbelanjaan berhemat.
5. Pengguna mengambil langkah mengubah corak perbelanjaan harian keluarga.
6. Pengguna melakukan pemantauan terhadap perbelanjaan yang tidak perlu..
7. Pengguna menyediakan senarai barangan keperluan sebelum keluar berbelanja..
8. Pengguna tidak mengikut jejak langkah orang yang mengamalkan gaya hidup mewah..
9. Pengguna mengelakkan belian secara kredit ketika berbelanja.
10. Pengguna hendaklah berwaspada disebabkan kini bukanlah masa untuk bermewah-mewah.

Isi-isi tersirat = Punca

1. Orang tengah mengambil kesempatan untuk mengaut untung berlebihan.
2. Berlaku ketidakseimbangan bekalan dan permintaan dalam pasaran.
3. Peniaga menyorok/sembunyikan barangan untuk menaikkan harga
4. Penguatkuasaan lemah bahkan ada masa tidak berkesan sama sekali.
5. Masalah rasuah antara peniaga dengan pihak kerajaan.
6. Sikap degil peniaga tidak mematuhi syarat kerajaan atau kempen kerajaan.

Penutup = 2 markah

Kesimpulannya, pengguna haruslah membantu pihak berkuasa membanteras kenaikan harga barang agar mereka tidak menjadi mangsa peniaga yang tamak.

SOALAN 2 (a) – Petikan Umum – 9 MARKAH

- i) Bermaksud menekan perjalanan hidup rakyat yang semakin susah. – 2m
- ii) Kesannya, kenaikan tersebut menjejaskan kehidupan kebanyakan orang.
- Kenaikan harga barang tersebut menyebabkan mereka berada pada tahap yang lebih miskin dengan pendapatan yang sama.
 - Kenaikan itu juga menyebabkan orang ramai melupakan sebahagian besar daripada kehendak mereka. – 3m
- iii) Sebab harga barang sukar dibanteras kerana;
- Bilangan penguat kuasa tidak mencukupi berbanding dengan jumlah peniaga.
 - Jumlah denda yang dikenakan lebih ringan berbanding keuntungan yang diperoleh peniaga tersebut.
 - Peniaga tidak amanah dalam amalan jual beli lebih pentingkan diri.
 - Peniaga menganggap pembeli sebagai mangsa mudah ditipu.
 - Apa-apa jawapan yg sesuai boleh diterima. – 4m

SOALAN 2 (b) – CERPEN – 9 MARKAH

- i) Masalah yang dihadapi oleh Masnah, - bimbang nasib dia sebagai janda, bimbang akan nasib anak-anaknya bertempiran atau teraniaya, , bimbang akan masa depan anaknya turut terbunuh jika menjadi orang kapal. – 2m
- ii) Usaha-usaha yang dapat saya lakukan untuk membantu dan membela nasib kanak-kanak yatim ;
- Saya akan patikan mereka dapat meneruskan persekolahan
 - Dapatkan bantuan kewangan untuk menampung perbelanjaan mereka.
 - Memberikan bantuan nasihat/motivasi kepada mereka.
 - Memberikan peluang pekerjaan kepada ibu mereka supaya dapat menanggung anak-anaknya.
 - Masukkan mereka dalam persatuan atau kelab kebajikan.
 - Apa-apa jawapan yang logik diterima. – 3 m
- iii) Dua persoalan dalam petikan;
- Kehidupan seorang janda dan anaknya setelah kematian suami, contoh Masnah seorang janda dengan dua orang anak yang masih kecil masih bersedih dengan kematian suaminya dan menyalahkan takdir.
 - Penderitaan hidup seorang balu dengan anak yang masih kecil, contohnya Masnah masih menyalahkan kapal yang menyebabkan kematian suaminya.
- Dua persoalan dalam keseluruhan cerpen ;
- Usaha pihak majikan membantu nasib ahli kesatuan dan keluarga mereka, contohnya Kapten Mamat akan berusaha membantu nasib Masnah sekeluarga setelah kematian Baharom.

- Setiap masalah hidup perlu ada jalan penyelesaiannya, contohnya Kapten Mamat memberi nasihat kepada Masnah agar berubat sakitnya demi anaknya.
 - Kepercayaan kepada bomoh untuk mengubati penyakit, contohnya isteri Kapten Mamat menyuruh Kapten Mamat memanggil bomoh untuk merawat Masnah yang pitam.
 - Sikap prihatin ketua/majikan kepada kebajikan anak buahnya, contohnya Kapten Mamat berjanji akan membantu menguruskan masalah Masnah yang kematian suaminya .
- 4m

SOALAN 2 (c) – Prosa Klasik [8 MARKAH]

- i) Maksudnya menunjuk dan menyentuh dengan jari ke wajah orang itu - 2m
- ii) Tindakan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa terhadap Si Kembang Cina ;
- Memarahi Si Kembang Cina kerana mengikut arahan jurumudi.
 - Menyuruh Si Kembang Cina menyediakan hidangan yang istimewa untuk Awang Sulung - talamnya beralaskan kain kuning.
 - Menyuruh Si Kembang Cina mengambil buyung suasa yang berisi air masin – merasa air tersebut dan menyuruh Si Kembang Cina merasanya juga,.
- 3m
- iii) Tindakan Si Kembang Cina yang wajar ;
- Menasihati jurumudi agar melayan semua manusia secara adil
 - Mengadu perkara tersebut kepada Tuan Puteri Dayang Seri Jawa.
 - Dapatkan nasihat Tuan puteri apa-apa tindakan yang perlu dibuatnya.
 - Menghidangkan makanan seperti tetamu yang lain kepada Awang Sulung.
- 3m

SOALAN 2 (d) – Puisi [9 MARKAH]

- i) Bermaksud segala perilaku pemimpin atau ketua menjadi ikutan masyarakat , segala pengaruh kebaikan wajar diteladani, manakala segala pengaruh keburukan harus dihindari. - 2m
- ii) Tiga sebab pemimpin mesti menunjukkan teladan yang baik kepada masyarakat;
- Pemimpin merupakan idola kepada masyarakat,
 - Perilaku pemimpin akan menjadi ikutan kepada masyarakat.
 - Pemimpin yang berkelakuan negatif mendorong masyarakat ke jalan yang salah.
 - Kewibawaan pemimpin akan mempengaruhi orang bawahannya.
- 3m
- iii) 4 nilai kemanusiaan ;
- Nilai menghargai masa – contohnya menghargai masa dengan cara yang berfaedah dan tidak menangguhkan kerja.
 - Nilai keikhlasan – contohnya ikhlas dalam menjalankan tanggungjawab yang diberikan tanpa mengharapkan balasan.

- Nilai Kerajinan – contohnya pekerja yang rajin sangat menghargai masa dan tidak suka tangguh kerja.
- Nilai kegigihan – contohnya sifat gigih sangat penting dalam usaha melahirkan pekerja yang proaktif dan produktif.
- Nilai kesederhanaan – bersederhana boleh membawa kesejahteraan dalam hidup.
- Nilai kesabaran – contohnya sifat sabar merupakan asas dalam menjana ketenangan fikiran untuk mengatasi sebarang masalah .
- Apa-apa nilai yang bersesuaian dgn contohnya diterima - 4m

SOALAN 3 – KEMAHIRAN TATABAHASA [30 MARKAH]

SOALAN 3(a) – BINA AYAT – 6 MARKAH

- a). i) insentif = ganjaran/hadiah/bonus
intensif = secara giat/ bersungguh-sungguh
- ii) apresiasi - penghargaan /pengiktirafan
aspirasi - cita-cita / impian
- iii) kontemporari = terkini / pada masa kini
globalisasi = dunia tanpa sempadan
- b) kata kerja aktif transitif dan objek; = 6 markah
- melupakan = permainan tradisional
 - mengadakan = pelbagai kempen
 - mempopularkan = permainan tradisional
 - menyokong = kempen ini
 - menubuhkan = Kelab Permainan Tradisional
 - menyemaikan = minat mereka
 - mendirikan = sebuah muzium

Kkat = ½ m dan objek ½ m

c) Kesalahan Ejaan dan Imbuhan = 6 MARKAH

- i) rekriasi = rekreasi
kunjungi = mengunjungi
- ii) berdayasaing = berdaya saing
mengemari = menggemari
- iii) insfrastruktur = infrastruktur
menyedia = menyediakan

d) KESALAHAN ISTILAH DAN TATABAHASA = 6 MARKAH

- i) memansuhkan = melupakan/membatalkan
bagi = untuk
- ii) kehendak = keputusan
lain-lain cadangan = cadangan-cadangan lain
- iii) diluputkan = dilupakan
terpaling indah = paling indah/ terindah

e) PERIBAHASA = 6 MARKAH

- i) Sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain / sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit.
- ii) Buang yang keruh, ambil yang jernih
- iii) Kalah jadi abu, menang jadi arang.

SOALAN 4 - NOVEL [15 MARKAH]

4 (a) – DUA CONTOH PERISTIWA KASIH SAYANG; TING. 4

- Kasih sayang seorang suami kepada isterinya yang koma.
Contohnya Jeffri sangat sayang kepada isterinya sanggup menjaga isterinya yang koma lama selepas bersalin anak mereka yang kedua.
- Kasih sayang seorang isteri kepada suaminya.
Contohnya Intan Marlina sanggup menanggung risiko untuk mengandung lagi kali kedua demi kasih sayangnya kepada suami tercinta yang sangat teringin mendapatkan cahaya mata.
- Kasih sayang seorang anak kepada ibu dan bapanya.
Contohnya Intan Julia sangat sayang kepada mama dan papanya ...sangat manja , menjaga mamanya yang sakit dll huraian yang sesuai.

DUA CONTOH PERISTIWA KASIH SAYANG – TING 5;

- Kasih sayang seorang suami terhadap isterinya.
Contohnya Hilmi tetap menyayangi isterinya Azizah walaupun mereka telah berpisah dengan cara mengubah sebanyak mungkin lagu yang kebanyakannya ditujukan khas kepada isterinya Azizah.
- Kasih sayang ibu bapa kepada anaknya.
Contohnya Datuk Johari dan Datin Salmah sangat sayang kepada anaknya Hayati yang merupakan anak tunggal mereka dan sanggup memenuhi semua keinginan anaknya dalam muzik.
- Kasih sayang sesama saudara atau sepupu.
Contohnya Hilmi sangat sayang kepada sepupunya Hayati hingga dia berasa cemburu melihat kemesraan antara Hayati dengan Mohsin.

Cara permarkahan ;

Isi = 4 m

Bahasa = 3 m

Keseluruhan = 7 m

Satu isi – pernyataan = 1m, Huraian = 1m

4(b) SATU PERISTIWA UNSUR SASPENS

TING 4;

- Peristiwa saspens ketika Klimaks cerita ; Intan Maliana tersedar daripada komanya perkataan yang pertama disebutnya ...pizza. Jeffri gembira apabila isterinya sudah sedar dan asyik bercerita dengan isterinya, saspens kedua apabila Aisyah muncul bertanyakan suaminya Jeffri bercakap dengan siapa. Intan Maliana bertanya siapakah perempuan itu....Jeffri terpaksa meminta Aisyah keluar bilik dan menerangkan kepada Intan Maliana ceritanya dari awal hingga akhir,
- Saspens - Intan Maliana mula sesak nafas dan menghembuskan nafasnya yang terakhir dalam pelukan anaknya Intan Julia.
(Apa-apa peristiwa saspens yang sesuai diterima)

4b) TING. 5;

- Peristiwa saspens ketika piano Hayati rosak, Datin Salmah memanggil Mak Minah bertanyakan siapa yang merosakkan piano anaknya....Mak Minah ketakutan lalu menyebut Hilmi, semua yang ada hairan bagaimana Hilmi boleh bermain piano...
- Peristiwa semasa Hilmi tinggal seorang dia asyik bermain piano hingga terdengar letupan di dapur- cerek kopinya meletup. Hilmi mula takut dan menyesal kerana asyik bermain piano hingga lupa cerek di dapur meletup.
- Peristiwa saspens ketika klimaks cerita, Pak Karim mendedahkan rahsia Hilmi kepada Datuk Johari bahawa Hilmi adalah anak kandung Johari yang dirahsiakannya demi perkahwinan Johari dgn Datin Salmah.
(Apa-apa peristiwa saspens yang sesuai diterima)

Cara pemarkahan ;

Peristiwa saspens = 1m

Huraian peristiwa = 2m

Satu novel = 3m

Isi = 6 m

Bahasa = 2 m

Keseluruhan = 8 m

SELAMAT MENANDA DENGAN TELUS DAN SAKSAMA.....